



belasungkawa

Perginya zuriat sulung P. Ramlee

Oleh **TENGGU SUZANA RAJA HAMAT, FERIDE HIKMET ATAK dan SOFIATUL SHIMA WAN CHIK**
hiburan@kosmo.com.my

selama-lamanya, tiada lagi Nasir P. Ramlee. Yang tinggal adalah dua bekas isterinya, balunya Suria Bakar dan tujuh orang zuriatnya yang sekaligus menjadi cucu kepada Allahyarham Tan



WALAUPUN tidak sehebat bapanya, P. Ramlee, Nasir mempunyai bakat tersendiri.

LAGAKNYA sederhana dan rasanya saling tak tumpah seperti Allahyarham Tan Sri P. Ramlee. Kerana bapanya seorang Seniman Agung Negara, nama Nasir P. Ramlee amat signifikan setiap kali kisah seniman-seniman veteran milik seni Malaya menjadi bingkisan untuk tatapan peminatnya yang setia.

Semalam, emosi rakyat Malaysia sekali lagi basah dan hari ini bau tanah merah dan kelopak kembang di Tanah Perkuburan Danau Kota, Kuala Lumpur likat dalam sendu teman-teman, peminat dan saudara-mara yang mengiringi perjalanan abadi seorang yang boleh digelar seniman, Allahyarham Nasir P. Ramlee.

Biarpun namanya tidak segagah aura yang ditinggalkan Allahyarham bapanya, kehadiran pewaris P. Ramlee ini ada signifikannya terhadap dunia seni tempatan.

Sepanjang hayatnya juga, dia membawa maruah, nama baik dan keagungan yang pernah diraih bapanya. Menjadi anak P. Ramlee juga pernah menjadikan hidup Nasir tidak sama dengan orang lain. Setiap langkahnya dibandingkan dengan P. Ramlee.

Pernah dalam satu wawancara bersama wartawan *Mingguan Malaysia* sekitar tahun 2007, anak sulung Allahyarham Tan Sri P. Ramlee ini ada meluahkan bahawa dia tidak boleh menjadi P. Ramlee.

Memetik kata-kata Allahyarham, "Tuhan nak jadikan P. Ramlee seorang sahaja. Macam juga Elvis Presley. Saya tak boleh jadi seperti dia. Dulu ketika hayatnya dia nak ajar saya jadi seperti dia. Dia ajak saya ke studio *shooting*, saya ikut tetapi saya jadi mengantuk sebab tak minat. Minat saya pada muzik. Tetapi kalau suruh berlakon, saya boleh berlakon. Saya banyak berlakon untuk filem cereka. Nak suruh berlawak pun, boleh. Namun saya tidak menjadikan ia kerjaya.

"Memanglah, sepatutnya saya mesti jadi seseorang kalau tak macam dia, dekat-dekat dia pun jadilah. Tapi saya tak juga rasa kesal. Bagi saya, begini pun boleh."

Daripada tulisan itu, Allahyarham kelihatan seperti orang sangat merendah diri walaupun hatinya tersenyum bangga kerana P. Ramlee itu bapanya.


Namun, hari ini, esok dan untuk

Sri P. Ramlee.

Biarpun tidak berjaya menjadi seniman sehebat bapanya, Allahyarham Nasir pernah menyelitkan namanya sebagai pelakon menerusi filem *Budak Lapok* (2007), *Fantasi* (93) dan *Bujang Lapok Kembali Daa* (1986). Sebelum itu, Allahyarham juga pernah berlakon di bawah arahan bapanya sendiri menerusi filem *Anak Bapak* (1968) serta dua filem arahan Omar Rojik, *Panca Indera Harimau Berantai* tahun 1970 dan *Kalau Berpaut Di Dahan Rapuh* (1969).

Allahyarham sebenarnya tidak begitu meminati filem sebaliknya lebih cenderung terhadap muzik. Sebelum mula berkhidmat sebagai Penyelaras Muzik Kombo di Istana Budaya sejak 2006, bermacam kerja muzik pernah menjadi 'makanan harian' Nasir P. Ramlee.

Kariernya memuncak dengan lagu *Rindu Bayangan* yang dipopularkan oleh kumpulan Carefree sekitar tahun 70-an. Lagu yang liriknya ditulis oleh Omar Taib itu menjadi malar segar ▶▶



yang menjadi siulan sehingga kini.

Masih ingat dengan kumpulan Panca Sitara? Allahyarham kini mengikuti jejak seniman dan seniwati sezaman bapanya iaitu Allahyarham Aziz Jaafar, Allahyarham Normadiah, Allahyarham Datuk Ahmad Daud ke rahmatullah. Satu-satunya kumpulan itu yang masih tinggal ialah Datuk Aziz Sattar, yang baru-baru ini terlanjar sakit.

Ketika bekerja di syarikat rakaman EMI, Nasir pernah bekerjasama dengan ramai penyanyi terdahulu antaranya Herman Tino, Rosmaria dan Aman Shah.

Banyak lagi karya Nasir yang masih menjadi tiada tandingan sehingga ke hari ini.

Jangan tidak tahu, atas keringat yang ditumpahkannya dalam bidang muzik ketika itu, Allahyarham pernah dijulung sebagai 'Produser of the Year' hasil daripada kejayaan pembikinan album pertama penyanyi dangdut, Herman Tino yang mencipta nama hasil bimbingannya.

Di IB, selain menjadi Pengarah Muzik Kombo, generasi baru pencinta muzik juga pernah menikmati hasil sentuhan Allahyarham yang menyumbang sentuhan sebagai Pengarah Muzik menerusi pentas muzikal *Suzana 60* yang mendapat perhatian ramai semasa dipersembahkan pada tahun 2006.

Sebagai tanda cinta dan kenangan hidupnya sebagai anak P. Ramlee, Allahyarham sendiri telah menulis sebuah buku bertajuk *Bapaku P. Ramlee*. Itu rakaman istimewa tanda kenangan Allahyarham pernah hidup dan membesar sebagai anak P. Ramlee.

Tanggal 17 Disember 2008 menjadi detik akhir kembara seorang anak seni bernama Mohamad Nasir Teuku Zakaria Teuku Nyak Puteh. Ketika jasadnya kini kaku menuju perjalanan yang abadi, ada hati yang tersentuh akan kehilangan beliau.



PEMERGIAN Allahyarham Nasir membuatkan industri seni kehilangan orang kuat dalam mengembangkan muzik tempatan.

Selain sanak-saudara terdekat, ada insan-insan seni yang pernah seperjuangan, mengenali, bersapa dan berjabat tangan dengannya. Mereka berkongsi belahan jiwa, mendefinisikan siapa Nasir P. Ramlee yang pernah hadir ke ruang mata dan seni yang sama-sama mereka cintai.